

Getir berdakwah di Korea

islam global

Oleh HASHNAN ABDULLAH
agamma@uftisan.com.my



PERKEMBANGAN Islam di Korea memang tidak mudah. Bukan hanya didominasi oleh agama seperti Buddha, Confucius dan Kristian tetapi juga budaya yang begitu asing berbanding agama Islam.

Keadaan itu memungkinkan sehingga kini Muslim Korea dikatakan hanya sekitar 30,000 orang sahaja, dan ia tidak termasuk jumlah Muslim pendatang yang berjumlah 150,000 orang.

"Isu itu bukanlah asing di negara yang Muslim sebagai penduduk minoriti. Kefahaman mengenai Islam amat cetek sekali sehinggakan isu-isu Islamofobia yang diuar-uarkan oleh media antarabangsa mudah mendapat perhatian mereka.

"Kami bukan hanya perlu berjuang mempertahankan dan memperkasa akidah tauhid tetapi juga gerakan memahamkan masyarakat umum tentang Islam sebenar,"

kata Naib Presiden Majlis Dakwah Islam Wilayah Asia Tenggara dan Pasifik (Risep), **Prof. Bashir Kim Dae Yong**.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahannya bertajuk, *To Understand Muslim Minority Country: South Korea Case* di Wacana Hadhari siri 2/2017 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Institut Islam Hadhari UKM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Yusof Othman.

Dalam syarahan itu, Bashir memberitahu bahawa kesulitan tersebut lebih terasa apabila seseorang Muslim itu bekerja atau tinggal di kawasan luar bandar.

Katanya, bukan hanya tempat ibadat dan makanan halal, bahkan hubungan dengan komuniti setempat



BASHIR KIM DAE YONG

sering kali menjadi masalah utama masyarakat Muslim Korea, kecuali yang tinggal berhampiran dengan masjid atau surau.

"Di bandar besar, masalahnya tetap sama tetapi peratusan kesulitan untuk beribadat, mencari makanan halal dan hubungan

dengan komuniti lebih rendah berbanding luar bandar.

"Rata-rata masyarakat Korea luar bandar bersikap agak tertutup dengan budaya atau fahaman agama lain, dan keadaan itu, ada ketikanya menimbulkan suasana amat dingin dan tidak ambil peduli,"

"Masalah lain, terdapat kumpulan dai Muslim yang berusaha menyebarkan agama Islam tetapi tidak begitu memahami budaya dan tradisi masyarakat setempat," kata pensyarah Universiti Cheju Halla, Jeju itu.

PENDAKWAH MUSLIM TAKSUB DENGAN IDENTITI

Tambah Bashir, terdapat juga dalam kalangan pendakwah Muslim yang taksub dengan identiti budaya

dan pegangan agama negara asal walaupun ia tidak begitu sesuai dengan masyarakat setempat.

"Tambahan pula, wujud pandangan stereotaip yang mengaitkan Islam dengan keganasan dan ekstremis, sedangkan hakikatnya Islam bersifat syumul," katanya.

Kegetiran tersebut tidak terhenti di situ sahaja apabila Bashir mendedahkan bahawa wujud konflik identiti bangsa sesama pekerja atau pendatang asing Muslim.

"Masing-masing berusaha mempertahankan identiti dan budaya negara asal walaupun sudah bertahun-tahun bekerja atau menetap di Korea sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan warga tempatan tentang Islam," katanya.

Beliau berkata, malah, terdapat juga yang berjuang demi kepentingan bangsa sendiri sehingga mewujudkan *Little India*, *Little Bangladesh* dan sebagainya.

"Ramai menyatakan bahawa Islam bukanlah bersifat budaya atau identiti sesuatu bangsa tertentu. Tetapi keadaan sebaliknya berlaku di Korea," katanya.

Namun Bashir, percaya masih ada dalam kalangan Muslim warga tempatan dan asing di Korea berjuang untuk menyebarkan ajaran dan nilai Islam yang sebenar.

"Semua itu adalah cabaran dan sebagai pendakwah, kami perlu hadapi dan selesaikan apa jua masalah supaya Islam mampu berkembang subur di Korea. Mungkin kejayaan itu tidak pada hari ini tetapi akan dikecapi pada masa hadapan," katanya.

INFO RINGKAS

- Dalam tempoh 10 tahun, kira-kira sembilan buah masjid, empat teluk dan 54 surau dibina di seluruh Korea.
- Hanya 30,000 warga Korea beragama Islam dan 150,000 adalah warga asing.
- Majoriti golongan muda Muslim Korea lanjutkan pengajian Islam di luar negara.
- Masjid pertama dibina di Korea pada tahun 1976, antara penderma adalah kerajaan Malaysia.
- Persekutuan Muslim Korea (KMF) antara tulang belakang menyuburkan Islam di Korea.

PENUH... Masjid Pusat Seoul di Itaewon, Seoul, memberi gambaran bahawa Islam tetap akan terus subur di Korea Selatan.

